

# Kampung dalam bandar

■ Kebun kecil di Flat Colombia menempatkan ratusan jenis sayur, buah serta p

Hamizah Badran

hamizah@hmetro.com.my

**F**lat Colombia di Taman Keramat AU2, Kuala Lumpur, yang terletak 10 kilometer (km) dari pusat bandar bukan kawasan kediaman biasa apabila di dalamnya terkandung 'harta alam' iaitu taman organik seluas 0.30 hektar yang diusahakan oleh penduduknya.

Tidak ubah seperti sebuah kampung, taman organik itu menjadi sumber yang menanam semangat kampung dalam kalangan penduduk setempat.

Ketua Jawatankuasa Kediaman yang dikenali sebagai Halim berkata, kebun kecil itu menempatkan ratusan jenis sayur-sayuran, buah-buahan dan pokok herba.

"Semua tanaman yang ditanam di sini adalah untuk kegunaan penduduk setempat.

"Mereka boleh datang pada bila-bila masa dan ambil apa saja hasil tanaman yang mereka perlukan untuk kegunaan harian.

"Jika ada kenduri pula misalnya, kami akan merebus ubi kayu dan buah roselle pula digunakan untuk membuat air seperti Ribena," katanya.

Diketuai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), projek berkenaan adalah sebahagian daripada River of Life Public Outreach Programme (ROL-POP), satu komponen projek River of Life (ROL) yang dibangun untuk menghubungkan



SUKARELAWAN Maybank bergotong-royong membersihkan kawasan kebun organik.

ANTARA hasil tanaman di kebun organik.

masyarakat setempat dengan sungai selain memperkasakan projek lestari.

ROL adalah projek permulaan (EPP) kelima di bawah Greater KL dan Lembah Klang, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang menjadi teras Program Transformasi Nasional (NTP).

Ia juga antara usaha kerajaan mentransformasi landskap Kuala Lumpur menjadi bandar raya yang berdaya huni tinggi dan penduduknya mempunyai kualiti hidup tinggi.

Di bawah Projek ROL, Sungai Gombak dan Sungai Klang akan dibersihkan serta diberi nafas baru sebagai Pusat Warisan dan Komersial bagi Greater KL yang bakal menjadi tarikan

pelancong, pusat rekreasi dan membawa manfaat serta peningkatan pendapatan kepada penduduk.

Menurut Global Environmental Center (GEC) iaitu satu daripada perunding projek berkenaan, pihaknya amat mempercayai kebaikan pembabitan orang awam sejak dari awal projek ROL itu dilaksanakan.

Penyelarasnya, Dr Kalithasena, berkata, program besar yang meliputi infrastruktur itu perlu dilengkapi dengan sesuatu yang lain di mana ia

boleh digelar sebagai satu pendekatan jiwa.

"Hanya melalui cara itu masyarakat boleh melihat bahawa mereka juga sebahagian daripada

kita" katanya.

Kebun organik itu adalah contoh terbaik kejayaan menerusi inisiatif yang menyatukan pelbagai pihak untuk mencapai matlamat bersama

termasuk pembabitan pihak berkuasa tempatan yang turut menyumbangkan dana dan baja.

"Usaha yang dilakukan penduduk tempatan amat menakjubkan. Sebelum ini, mereka menggunakan air bersih untuk menyiram

tanaman dan selepas melalui perbincang bersama, kami ber- mereka penapis air pam untuk tujuan

"Kini, kebun itu disuburkan dengan tertapis terus dari S Klang," katanya.

Projek berkenaan mendapat sokongan pasukan sukarelawan Maybank yang menyediakan dana pengkalan program mengadakan program membabitkan masy-

Ketua Pegawai R Kumpulan Maybank Dr John Lee berkata kerjasama itu mem masyarakat dalam memastikan kawasan kebun ini bersih dan mereka dapat men- faedah daripadanya

## FAKTA

Semua tanaman yang ditanam adalah untuk kegunaan penduduk setempat

